

**Anuar: Hala tuju PKR dirancang Anwar
Malaysiakini.com
November 24, 2010**

Pemilihan Majlis Pimpinan Pusat Parti Keadilan Rakyat yang berakhir Ahad lalu adalah medan bagi memperkukuhkan kedudukan penasihat parti itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kata bekas setiausaha sulit beliau, Anuar Shaari.

anuar shaari permatang pauh leave pkr 270307 bitterKatanya laluan mudah untuk naib presiden Mohamed Azmin Ali memenangi jawatan timbalan presiden telahpun dijangka dari awal pemilihan berlangsung iaitu pada 29 Okt lalu.

"Keseluruhan hala tuju PKR ini telahpun dirancang oleh Anwar yang mahukan ahli-ahli tunduk pada kemahuan beliau yang mahukan Azmin menang.

"Dia memandu PKR untuk kepentingan sendiri iaitu untuk memanjangkan hayat politiknya, menggunakan parti untuk kes liwat beliau dengan mengadakan demonstrasi dan memberi tekanan kepada kerajaan, dan beliau sendiri tak ada hala tuju yang jelas membawa PKR," katanya di Kuala Lumpur hari ini.

Lebih ramai tinggalkan PKR

Beliau berkata demikian mengulas mengenai pemilihan parti itu yang menyaksikan Azmin mendahului saingan untuk jawatan timbalan presiden yang dikosongkan oleh Syed Husin Ali.

azlanBagi jawatan naib presiden PKR, Nurul Izzah yang juga anak Anwar dan isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang menang tanpa bertanding jawatan Presiden PKR, kini mendahului saingan bagi jawatan itu.

Anuar berkata adalah tidak menghairankan ramai tokoh dalam PKR meninggalkan parti itu selepas mendapati perjuangan yang dibawa tidak sehaluan.

"Yang keluar parti ini kalau kita lihat banyak yang sudah tidak sehaluan dengan ideologi parti politik itu. Bila menyertainya, mereka akan dapat lihat apa yang diperjuangkan PKR adalah lebih kepada perjuangan personaliti dan akhirnya perjuangan mereka untuk parti sia-sia," katanya.

azmin aliMengulas kenyataan Azmin baru-baru ini bahawa parti perlu dibersihkan daripada pengkhianat, Anuar berkata ia sebagai amaran kepada pencabar pada masa depan.

"Pada Azmin, istilah pengkhianat ialah mereka yang tak taat kepada mereka berdua, Azmin dan Anwar, dan bukannya kepada parti. Jika tidak sokong mereka, orang ini digelar pengkhianat di mata Azmin," katanya.

Anuar juga menyifatkan tindakan bekas Pengerusi PKR Wilayah Persekutuan Datuk Zaid Ibrahim yang keluar parti berkuatkuasa 16 Dis ini, sebagai tepat.

Zaid - ahli politik jujur

Katanya beliau melihat Zaid adalah seorang anggota politik yang jujur dalam perjuangan.

Bekas Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK), Ezam Mohd Nor pula berkata beliau meninggalkan PKR pada 2006 selepas menjangkakan akan ada campur tangan Anwar untuk memenangkan calon pilihannya.

NONEKatanya PKR bukan lagi sebuah parti yang memperjuangkan hak rakyat seperti mana matlamat penubuhannya.

Ia kini telah menjadi parti memenuhi cita-cita peribadi dan tempat untuk menyelesaikan masalah peribadi seseorang pemimpin, kata Ezam.

"Perjuangan rakyat yang dilaung-laungkan hanyalah topeng semata-mata. Dulu saya hanya menjangkakan (parti peribadi), kini ia jelas di depan mata dan ia tidak memberi langsung peluang untuk rakyat.

Unsur manipulasi, campur tangan

"Memang jelas apa yang dikatakan Datuk Zaid dan mereka yang telah keluar parti, mengenai adanya unsur manipulasi dan campur tangan menentukan barisan kepimpinan parti yang dipercayai Anwar," katanya.

NONEBeliau berkata Zaid, yang juga bekas calon timbalan presiden PKR dan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bukanlah seorang yang gila kuasa sehingga sanggup keluar parti ekoran tidak mendapat sokongan ketika pemilihan PKR sedang beralngsung.

"Pada saya Datuk Zaid bukanlah orang macam itu. Beliau ini menyertai parti bukanlah jawatan, kuasa atau kedudukan. Kalau kita tengok sejarah beliau, beliau dulu seorang menteri dan bukannya beliau dipecat tetapi meletak jawatan.

"Bukan semua orang boleh berbuat seperti beliau khususnya Anwar. Anwar tak pernah tinggalkan jawatan. Dia akan tunggu sampai dipecat (ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri)," katanya.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/149070>